

Program Selangkah ke Menara Gading medium penyaluran maklumat

2.4.2013
Oleh YAP SIONG HAN
sionghan_yap@yahoo.com

UB

B1

maklumat itu.

“Kita dapat melihat bagaimana jurang pemisah antara golongan pendidikan, golongan berkerjaya dan sebaliknya mampu dihapuskan melalui jalinan hubungan yang secara tidak langsung wujud di sini.

“Di sini juga kita dapat lihat betapa gigihnya usaha yang dilakukan oleh pihak UMS dalam usaha membawa masyarakat kita pergi jauh ke dalam dunia pengetahuan,” katanya ketika merasmikan program itu di Penampang kelmarin.

Dompok berkata menuntut ilmu adalah keperluan asas yang wajib

bagi setiap individu tanpa mengira kaum, jantina dan agama, yang bertujuan untuk menyumbang kepada kemajuan diri, masyarakat dan negara.

Menyedari kepentingan itu dalam kehidupan katanya, pendidikan telah diperkenalkan dan dijadikan dasar dalam pembangunan Malaysia.

“Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dalam memantapkan sistem pendidikan termasuklah memperuntukkan sejumlah besar dana bagi menyediakan kemudahan, jalinan kerjasama dengan negara luar dalam bidang penyelidikan dan penghasilan serta bantuan

persekolahan kepada anak-anak.

“Kini, kita sendiri dapat melihat hasil daripada usaha itu yang banyak dicapai oleh anak-anak bangsa kita pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Alumni UMS, Leftenan Kolonel Prof Madya Dr Mahmud Sudin berharap program itu boleh menjadi medium berharga kepada masyarakat zon Penampang khususnya golongan pelajar dalam membina dunia kerjaya yang cemerlang di masa depan.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Moyog, Datuk Donald Peter Mojuntin.



DOMPOK (tengah) mendengar penerangan daripada Mahmud (kanan). Turut kelihatan Donald (kiri).